



ICMS

# BULLETIN

INTERNATIONAL CENTRE FOR MADANI STUDIES

PUSAT KAJIAN MADANI ANTARABANGSA

JILID 1, BIL. 1, JULAI 2025



PELANCARAN & MUZAKARAH CENDEKIAWAN ICMS DIKETUA OLEH PROF. EMER. DATUK DR. OSMAN BAKAR PADA 01 JANUARI 2025 DIHADIRI OLEH LEBIH 40 PAKAR AKADEMIK PELBAGAI BIDANG

SEJARAH PENUBUHAN  
ICMS M/S 3



ICMS  
INTERNATIONAL CENTRE  
FOR MADANI STUDIES

LOGO INTERPRETATION  
M/S 5

ICMS KNOWLEDGE  
CORPUS M/S 7



SYARAHAN IDEA  
MADANI M/S 8-13





## EDITOR'S NOTE

Welcome to the first edition of the ICMS Bulletin. This publication is dedicated to sharing insights, research, and initiatives that advance the understanding and application of Madani principles — values of justice, compassion, inclusivity, sustainability, and the pursuit of knowledge.

In this inaugural issue, we explore the meaning of Madani in today's world and its relevance to Malaysia's development. We hope these pages inspire reflection, dialogue, and action towards building communities that are prosperous, ethical, and united. Thank you for joining us on this journey.

HJ. ABD. RAHMAN MOHD YASIN



## WELCOMING NOTE RECTOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

It is with deep appreciation and a sense of honour that I welcome you to the inaugural edition of the ICMS Bulletin. This publication represents a significant step in our commitment to disseminating knowledge, fostering dialogue, and strengthening the understanding of Madani principles within contemporary society.

The International Centre for Madani Studies (ICMS) was established with a clear mission: to advance scholarship, research, and practical application of the Madani framework as a foundation for building prosperous, ethical, and resilient communities. We believe that the values embodied in Madani - justice, compassion, inclusivity, sustainability, and the pursuit of knowledge - are timeless guides for navigating the challenges and opportunities of our era.

This bulletin will serve as a bridge between the Centre and the community, offering:

- Insights and scholarly discourse on Madani thought in local and global contexts.
- Highlights of programmes, activities, and collaborations that embody these values.
- Opportunities for engagement and contribution from scholars, practitioners, and the public.

In this first issue, we explore the meaning and relevance of Madani in the modern Malaysian setting, highlighting how the Madani mindset can inspire constructive action at the individual, organisational, and national levels.

It is my sincere hope that this bulletin will become a trusted source of inspiration, a platform for collaboration, and a catalyst for positive transformation. I invite all readers to join hands with us in nurturing a society that is Rahmatan lil 'Alamin. Wabillahi taufiq wal hidayah.

## SIDANG EDITOR

### PENAUNG

Prof. Emer. Dato' Dr.  
Mohd Yusof Othman

### EDITOR

Tn. Hj. Abd. Rahman Mohd Yasin  
Prof. Dr. Mohamad Roji Sarmidi  
Prof. Dr. Norsheila Fisal  
Prof. Dr. Wan Ibrahim Wan Ahmad  
Prof. Dr. Che Wan Jasimah Wan Radzi

### PEREKA GRAFIK

Nuur Farhana Khairuddin

### ALAMAT PERHUBUNGAN

Kompleks Dar al-Hikmah,  
Jalan ABIM,  
43000 Kajang, Selangor.

[icmsmadani@gmail.com](mailto:icmsmadani@gmail.com)


[www.icmsmadani.com](http://www.icmsmadani.com)

# ACADEMIC ADMINISTRATION



Logo

**ICMS**



**Roots -**  
Foundation of Belief  
(Aqidah)  
Prevents firms  
belief and  
strong faith

**Trunk -**  
Path of knowledge  
(Ilm)  
Represents the tangible  
benefits of knowledge

**Golden Color -**  
The Nur (Light) of  
Knowledge  
Symbolizes light, wisdom  
and eternal knowledge



**ICMS**

**Branches -**  
Aspirations for Higher  
Meaning  
Reflects the human  
desire for meaning  
or

**Fruits -**  
Beneficial Outcomes  
and Contributions  
Aligns with concept of  
Rahmatan Lil Alamin

**Deep Green  
Background -**  
Life, Growth and  
Tranquility  
Symbolizes life, growth,  
stability and spiritual quality

# PELANCARAN ICMS



ICMS telah dilancarkan pada Muzakarah Kajian Madani pada 1 Januari 2025 di Dewan Besar KDH. Muzakarah ini dihadiri lebih 40 orang ilmuan akademik terkemuka dari pelbagai disiplin. Muzakarah ini telah diterajui oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tumpuan utama ICMS ialah:

1. Membina dan mengembangkan korpus ilmu yang diperlukan sebagai asas untuk membangunkan negara dan masyarakat Madani.
2. Memurnikan akhlak masyarakat agar nilai dan aturan keagamaan benar-benar berfungsi untuk menegakkan keadilan dan kedamaian; dan agar masyarakat menghargai nilai ihsan, persaudaraan dan saling menghormati dalam konteks *karamatul insan* sebagai prinsip menyeluruh.
3. Menangani cabaran moden dengan menyediakan penyelesaian kepada isu global seperti ketidakadilan sosial, krisis alam sekitar, dan ketegangan intra dan antara agama.
4. Menggalakkan kepimpinan beretika dengan melatih pemimpin yang menghayati nilai-nilai Madani dalam tadbir urus, perniagaan dan Pembangunan komuniti.

5. Memperkuuhkan keharmonian antara agama dan budaya melalui dialog berdasarkan keilmuan.

Cadangan perlaksanaan program ICMS meliputi pasasiswa dan kursus lain (MBA, Diploma Pasca Siswazah dan persijilan profesional) seperti berikut:

#### Mod Penyelidikan

- i. Master's in Madani Studies
- ii. PhD in Madani Studies

#### Mod Kerja Kursus

- i. Postgraduate Diploma in Madani Studies
- ii. Master of Arts (M.A.) in Madani Studies
- iii. Madani Master of Business Administration (MBA)





# MADANI Studies

## KNOWLEDGE CORPUS



The comprehensive criteria for a particular knowledge to be in Madani studies knowledge corpus is that it contributes to the development of an advanced and civilized society or nation, in terms of thinking, spirituality and material wealth. With a caveat that a corpus is always **dynamic, evolving and expanding**. Its components are laid as follows :

1

**Foundations of Madani studies** covers the Constitution of Medina, the Quranic principles, *hadith* and *seerah*, sources of *turath* and virtuous values from major religions.

2

**Madani ethics and values** cover aspects of belief in Allah, accountability, stewardship (*khalifah*), equality and justice as well as ethics and morality.

3

**Madani governance** covers aspects of shura, rule of law, leadership ethics, public welfare and interest (*maslahah*), human rights and modern governance and political systems.

4

**Madani social principles** cover inclusivity, peaceful coexistence, comprehensive aspects, together in a peaceful atmosphere, culture of interfaith dialogue, social welfare and well-being, community building, gender equality and conflict resolution.

5

**Madani economy and development** covers aspects of economic justice/wealth redistribution, sustainability, sustainable development goals and Madani finance.

6

**Madani education and knowledge** covers aspects of *ilm*, moral education, integration of knowledge and Islamic scholarship.

7

**Science, technology and Madani society** covers aspects of digital ethics, Madani urbanism and stability stewardship.

**Contemporary applications and emerging topics** cover aspects of artificial intelligence and Madani society, diversity of interpretation, globalization, global justice, post-colonial societies, comparative studies, Madani indicators for society and nation, historical analysis, comparative studies, interdisciplinary approaches, case studies and extremism.



9

**Madani beyond national borders (ASEAN Madani)** includes ASEAN as Madani region and ASEAN dialogical culture.

# Syaranan Idea Madani

## Siri 1: Mengapa Idea Madani Wajar Dipopularkan?



Syaranan Madani siri pertama oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Penyandang Kursi al-Ghazali pada 7 Mei 2025 di Dewan Senat UIAM Kampus Gombak.

### Latar Belakang

Syaranan berbentuk ilmiah berdasarkan kepentingan keilmuan. Siri syaranan ini adalah anjuran Sekretariat Taskforce Pengukuhan Madani Universiti Awam. Syaranan ini dihadiri oleh pensyarah dan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan terbuka kepada masyarakat awam. Syaranan ini berbentuk intelektual namun ada terkait dengan isu politik. Ianya tidak merujuk kepada politik kepartian dan kepuaan. Secara umum, syaranan ini ingin mengajak masyarakat memahami erti minda Madani.

### Istilah

Syaranan ini mengupas dengan mendalam mengenai idea Madani daripada aspek estimologi. Antaranya ia merujuk kepada makna asal istilah. Bahasa Yunani mempunyai kaitan secara langsung dengan akar kata dalam Bahasa Arab. Madani ini daripada perkataan *madana* (mendirikan kota atau bandar iaitu dikaitkan dengan kemanusiaan). *Tamaddana* pula merujuk kepada masyarakat bertamadun.

### Tamadun yang merujuk kepada kota

Prof. Emer. Datuk Dr. Osman Bakar menyatakan bahawa Ibn Khaldun dalam bukunya '*Muqaddimah*' merupakan orang yang mula-mula menggunakan perkataan 'Madani' yang merujuk kepada tamadun di bandar atau kota. Malah ia diluaskan lagi dengan memasukkan tamadun Badawi iaitu merujuk kepada peradaban luar bandar dan dalam bandar yang memakmurkan. Turut dikaitkan Madinah itu sebagai kota dan Madani pula merujuk kepada ciri-ciri yang

ada pada kota dan ciri-ciri yang ada pada penghuninya.

Madani menjadi bandar melalui perbandaran iaitu beradab, bertamadun, sekular warga kota (makna sekular adalah merujuk kepada bidang kehidupan selain daripada aktiviti ibadat yang dilakukan, iaitu pembangunan kemasyarakatan). Walau bagaimanapun, maksud sekular ini telah disalah ertikan pada hari ini.

Turut dikupas ialah makna Madani daripada aspek tasawwur.

- 1) **Konsep Insan Madani** - Al-Farabi menyatakan manusia adalah insan Madani.
- 2) **Ilmu Madani** - dicadangkan sebagai satu cabang ilmu baru, iaitu satu falsafah politik dan sosial yang tidak dipisahkan.
- 3) **Idea Teras Dalam Konsep Madani** - kecenderungan untuk bekerjasama antara satu sama lain sebagai idea teras yang utama. Sesuatu yang tabii, untuk ditegakkan. Agama dijadikan asas untuk membantu manusia mencari jalan bagaimana untuk hidup secara berkelompok dan bersama bagi membangunkan peradaban yang moden.

### Contoh penggunaan idea Madani

#### 1) Madinatun nabi (bandar atau kota)

Mereka percaya Madinah sebagai model untuk diikuti. Persoalannya apakah bentuk bandar itu? Kota bagaimana yang patut wujud untuk mencapai kebahagiaan yang hakiki.

Rasulullah SAW berhijrah ke Yathrib, nama lama yang ditukar ke kota atau Bandar Madinah, yang merupakan bandar terbaik dari aspek kemanusiaan. Turut ditekankan bukanlah hanya aspek material yang diberi perhatian tetapi aspek-aspek kemanusiaan iaitu akhlak yang bagaimana perlu ada pada penghuni Madinah itu.

#### 2) Ilmu ketamadunan

Bagaimanakah idea Madani yang hendak diaplikasi di Malaysia?

Mengapa idea Madani wajar dipopularkan? Madani ini

adalah idea besar yang membawa maksud tersendiri. Ia mengandungi makna yang difahami oleh mereka yang datang dari tamadun lain. Oleh itu perlu penjelasan dari aspek istilah dan makna.

Idea Madani ialah suatu idea parenial, iaitu *kholid* dalam bahasa arab yang membawa maksud yang kekal benar pada zaman Aristotel, zaman Rasulullah SAW dan akan terus kekal benar dan kekal berguna sehingga hari ini dan untuk masa depan. Walaubagaimanapun, hal tersebut tidak berlaku kini.

Ada beberapa ilmu yang sentiasa berguna dalam pelbagai bidang yang kerangka ilmiahnya kekal untuk masa sekarang dan akan datang.

### 3) Mengapa idea Madani perlu diraikan

Idea yang indah ini pada dasarnya sangat mudah. Dalam bahasa Inggeris ia disebut sebagai *simplicity* iaitu ianya bukanlah satu idea yang kusut. Jelas maknanya serta harmoni dengan idea-idea besar yang lain iaitu tiada konflik berlaku. Contoh idea besar lain seperti komunisme, Marxism dan evolusi, mempunyai percanggahan dengan agama.

Jika diteliti dengan mendalam, kesatuan dalam kepelbagaian itu ada keindahannya. Alam yang belum

dirosakkan oleh manusia meliputi tumbuhan, haiwan dan persekitarannya yang pelbagai, kelihatan sangat menarik. Perkara ini sering diungkapkan sebagai *unity in diversity*. Pada masa ini, untuk mewujudkan kesatuan kepelbagaian dalam alam manusia agak sukar. Hal ini akan dihargai jika falsafah ini difahami oleh semua.

### 4) Madani idea yang universal

Perlu adanya dialog intelektual kerana terdapat konsep kota yang berbeza dalam tamadun lain seperti tamadun Cina, tamadun Hindu dan lain-lain.

Terdapat salah faham dalam idea Madani iaitu Madani sebagai idea sekular iaitu bercanggah dengan agama. Perkara ini sebenarnya tidak tepat dari segi istilah.

Contoh yang diberi ialah Piagam Madinah. Piagam ini adalah yang pertama wujud dan orang Islam, Yahudi, Kristian boleh duduk bersama. Inilah bentuk kesatuan dalam kepelbagaian yang diinginkan. Mereka boleh hidup dalam satu kota dengan ada kepelbagaian dan kesamaan, malah mereka boleh hidup harmoni dalam satu kota secara bersama. Hal inilah yang ingin dilakukan di Malaysia.

Diolah oleh: Che Wan Jasimah Wan Radzi

## ◆ Siri 2: Dari Yathrib ke Madinah Nabi: Sebuah Transformasi Madani



Syarahan Madani siri kedua pada 04 Jun 2025 di Dewan Senat UIAM Kampus Gombak.

### Pendahuluan

Berdasarkan sejarah, Yathrib telah wujud di Semenanjung Arab sebelum peristiwa hijrah. Ahli sains dan geografi Yunani iaitu Ptolemy ada mencatatkan pada tahun 150M bahawa wujud kota Yathrib di Semenanjung Arab. Kitab Arab ada menyebutkan kota Yathrib wujud 500 tahun sebelum hijrah. Banyak kabilah Yahudi dan Arab telah lama wujud di Yathrib seperti Bani Nadir dan Quraizah. Dikatakan bahawa mereka berhijrah ke Yathrib pada tahun 70M apabila berlaku kemusnahan rumah ibadat mereka di Baitul Muqaddis. Mereka merupakan kabilah terkemuka dan menguasai ekonomi, namun berlaku kacau-bilau dalam kalangan kabilah-kabilah ini. Sebelum Rasulullah SAW datang ke Yathrib, mereka sudah mendengar bahawa ada seorang nabi di Makkah dan mereka menunggu untuk nabi datang. Hal ini dimaklumi kerana ada dinyatakan dalam kitab mereka dan

mereka percaya tentang lahirnya nabi terakhir. Mereka berharap nabi akhir itu dari kalangan keturunan Yahudi tetapi bila mengetahui bahawa nabi dari keturunan Arab, ada antara mereka yang memusuhi.

### **Bai'ah Bersama Nabi**

Apabila kaum ‘Aus dan Khazraj mahu menyokong Nabi sebagai ketua, seramai 12 orang daripada dua kabilah berkenaan telah berikrar dan terlibat untuk menyatakan sokongan tersebut. Peristiwa ini dinamakan sebagai bai’ah pertama.

Kaum ‘Aus dan Khazraj adalah dua suku Arab yang besar dan mendiami Madinah sebelum kedatangan Islam. Mereka adalah suku asli Madinah yang awalnya sering terlibat dalam perselisihan dan perperangan. Setelah kedatangan Islam dan hijrahnya Nabi Muhammad SAW ke Madinah, mereka menjadi sebahagian daripada kaum Ansar, yang bererti penolong kerana peranan mereka dalam mendukung dan melindungi Nabi serta kaum Muhajirin.

Perjanjian seterusnya yang melibatkan 73 lelaki dan 2 perempuan (bai’ah kedua) juga menyokong untuk melantik Nabi sebagai ketua. Semua perkara ini berlaku sebelum Nabi berhijrah dan perkembangan sebegini tidak pernah berlaku dalam dunia. Dalam hal ini, demokrasi berlaku dan pimpinan dilantik atas hasil perundingan.

### **Pemasyhuran Madinah**

Dalam bahasa Arab zaman jahiliyah perkataan Madinah juga ada disebut. Hal ini bermakna, bukan pertama kali nama Madinah digunakan. Nabi menggunakan al Madinah (*the city*) merujuk kepada kota dan memberi imej baru kepada Yathrib. Madinah bermakna kota yang merujuk kepada istilah yang lebih mendalam maksudnya. Madinah ini turut merangkumi kota bersesuaian dengan firman Allah yang akan dikotakan sedikit demi sedikit melalui wahu yang diterima secara berperingkat. Justeru, pertukaran nama Yathrib kepada Madinah menyebabkan proses transformasi berlaku dan kota ini menjadi contoh, sebagai kota yang ideal lagi sempurna. Allah merujuk kepada umat di Madinah sebagai umat yang terbaik. Penduduk Madinah menyuruh manusia kepada yang *ma'ruf*, menegah kepada yang mungkar serta mereka beriman kepada Allah.

Segala kebaikan ini diinstitusikan dan merupakan perspektif baru kepada masyarakat Madinah. Inilah

yang hendak ditunjukkan iaitu ciri-ciri kota yang sempurna. Al Farabi turut menggelarnya, 300 tahun kemudian, sebagai *al Madinah al Fadhilah* (kota sempurna yang mendapat fadhilat). Inilah kota yang perlu dicontohi.

### **Pembangunan Peradaban Kotaraya**

Pembangunan Madinah ditunjangi oleh kaum Ansar dan Muhajirin. Madinah dimadakan berdasarkan acuan wahyu. Terdapat empat asas utama untuk membangunkan peradaban kota suci, Madinah.

#### **1) Asas Kewilayah**

Nabi SAW mendapat ilham dan dokongan kuat melalui dua *Bai'atul Aqabah* seperti yang disebutkan di atas. Madinah berkembang maju dengan peradaban baru berdasarkan wahyu, yang turun dari masa ke semasa, dan dapat dicontohi oleh dunia.

#### **2) Asas demografi dan kependudukan**

Pastinya penduduk yang beriman sentiasa menyokong apa yang diwahyukan oleh Allah SWT. Kebanyakan kejayaan dicapai bukan hasil dari peperangan tetapi hasil daripada kejayaan diplomasi yang jarang berlaku sebelum ini. Kelompok Ansar dan Muhajirin begitu mesra dan saling berganding bahu membantu antara satu dengan lain. Madinah ditakluki melalui rundingan dan diplomasi, bukan melalui peperangan. Hal ini tidak pernah berlaku dalam sejarah perkara seumpama ini. Mereka sebagai tulang belakang mencorakkan kependudukan.

#### **3) Perundangan dengan etika moral yang baik**

Perundangan wujud secara beransur-ansur melalui wahyu yang memandu Nabi SAW melaksanakannya.

#### **4) Asas kepercayaan kepada ideologi yang dibawa**

Tanpa ideologi yang mantap, masyarakat akan bercelaru. Penduduk Muslim Madinah sentiasa menyeru kepada yang maaf dan mencegah kemungkar dan beriman kepada Allah SWT dengan asas tauhid yang kental.

Natijahnya, berlaku transformasi yang lebih besar, meluas dan menyeluruh serta berkesan dalam tempoh yang pendek. Nabi meletakkan ideologi selama 13 tahun di Makkah dan 10 tahun di Madinah.

### **Transformasi Mega Madani**

Transformasi Mega Madani yang berlaku di Madinah boleh dibahagikan kepada lima aspek:

### **1) Transformasi pemikiran dan kepercayaan (*tauhidik*)**

Tauhid epistemologi berlaku atas perspektif keilmuan yang boleh merubah keadaan. Hal ini diakuri dengan bersungguh-sungguh oleh 12 wakil bai'ah dengan syarat tauhid kepada Allah sebagai asas.

### **2) Transformasi sosial**

Penganugerahan hak-hak asasi kepada semua manusia yang Islam dan bukan Islam. Untuk menyatukan mereka, digubal Piagam Madinah (piagam yang pertama di dunia). Terdapat kaedah hukum yang adil kepada mereka yang beragama Islam dan mereka yang beragama lain. Hak diberi kepada wanita untuk mewarisi harta dan mendapat pendidikan.

### **3) Transformasi politik**

Masyarakat yang berpecah sebelum itu, dikemukakan Konsep Kosmopolitisme, iaitu menerima sesiapa sahaja dengan memegang taudid sebagai asas yang utama.

Sistem politik yang Nabi SAW wujudkan pada masa itu ialah bersikap teodemokrasi, iaitu teokrasi; pemerintahan datang dari tuhan dan demokrasi; pemerintahan manusia. Idea pemerintahan datang dari tuhan dan demokrasi dilaksanakan melalui syura. Kedua-dua aspek ini diadunkan melalui kotaraya majmuk yang adil melalui transformasi politik.

### **4) Perundangan dan etika moral**

Sistem yang teratur menjamin hak kebebasan individu. Di samping itu, akhlak Nabi SAW dijadikan sebagai contoh untuk diikuti.

Contoh lain ialah etika peperangan dalam Islam yang penuh berperikemanusiaan. Pada masa ini, dalam konvensyen Geneva ada dinyatakan tentang etika peperangan iaitu tidak boleh mencederakan tumbuhan, membunuh wanita, kanak-kanak dan lain-lain. Namun hal tersebut tidak diikuti lagi, seperti apa yang berlaku di Gaza.

### **5) Hubungan antarabangsa**

Islam di Madinah telah mencetuskan era baru yang harmoni iaitu berlaku layanan antarabangsa dilakukan dengan penuh etika. Hal ini ditunjukkan dengan memberi layanan mesra dan padu kepada orang pelarian (Muhajirin).

Madani Malaysia yang ingin dilaksanakan seharusnya melalui transformasi Madani secara menyeluruh di Kuala Lumpur dan menggunakan Madinah sebagai rujukan dan penanda aras.

Diolah oleh: Che Wan Jasimah Wan Radzi

## **Siri 3: Ciri-ciri Madani Kota Sempurna: Bayangan Madinah Nabi**



Syarahan Madani siri ketiga pada 02 Julai 2025 di Dewan Senat UIAM Kampus Gombak.

Kota Madinah Nabi adalah yang terbaik dan ideal serta sepatutnya dijadikan contoh untuk membina kota-kota lain selepas itu. Perkara ini meliputi aspek kesempurnaan yang mencakupi konsep, falsafah dan sejarah sebuah kota. Kewujudannya melalui satu evolusi yang ideal berbanding dengan pembinaan kota-kota lain sebelumnya.

Madinah merupakan sebuah kota suci atau dipanggil *Muqaddas City*. Kota ini wujud di dalamnya ciri-ciri yang memenuhi kepercayaan masing-masing penduduknya yang menganut Islam, Kristian dan Yahudi. Asalnya, Kaabah dibina oleh Nabi Adam ‘alaihissalam pada tapak sedia ada sebagai rumah ibadah yang pertama wujud di alam ini. Selepas itu wujud beberapa kota lain yang dibina dan kemudiannya berubah menjadi sekular, mengasingkan

agama dan pola hidup seharian, dan Allah SWT menurunkan Nabi untuk memperbetulkan kebejatan yang berlaku. Ibn Khaldun ada menyatakan ciri-ciri kota yang ideal dalam penulisannya.

Menurut Sejarah, Firaun mempunyai kota utamanya iaitu Memphis. Tamadun lain juga mempunyai bandar utama mereka sendiri seperti zaman Confucius di China, tamadun India di sekitar sungai Ganges, Asia Barat dengan bandar Al Quds, England dengan bandar Ipswich yang dibina oleh orang Romawi dan Islam dengan kota suci Madinah. Di Alam Melayu terdapat Srivijaya, Majapahit dan Palembang. Di kota-kota inilah wujudnya rumah ibadah masing-masing.

Lahirnya kota Madinah adalah yang paling sempurna. Terdapat 8 ciri utama yang menyebabkan Madinah begitu masyhur, iaitu:

- Pemeliharaan hubungan antara manusia dengan tuhan.
- Pemeliharaan hubungan antara manusia dengan manusia.
- Pemeliharaan antara manusia dengan persekitaran.
- Keilmuan dan pembelajaran.
- Keteraturan dan keadilan masyarakat.
- Kepimpinan dan kepengikutkan
- Kewargakotaan.
- Hubungan antarabangsa.

Hubungan manusia dengan tuhan merangkumi hubungan antara langit dan bumi. Beberapa agama dan kepercayaan lain juga mempunyai konsep hubungan langit dan bumi ini. Dalam Islam, hal ini jelas dinyatakan dalam al Quran, sejak turun ayat pertama hingga kepada hari kiamat, yang penjelasannya bersifat universal dan benar untuk semua manusia. Antara ciri hubungan manusia dan tuhan adalah berdasarkan kepada hak dan kewajipan. Manusia diberi hak untuk memilih dan ada manusia yang memilih untuk menolak tuhan.

Antara ciri utama Kota Madinah Nabi ialah:

1. Dalam Islam, tawhid adalah mutlak, bukan nisbi dan bukan relatif. Perlu difahami bahawa keesaan itu bukanlah satu kesatuan. Hal ini jelas diungkapkan dalam surah Al-Ikhlas yang menyatakan Allah itu Esa, tempat meminta pertolongan, tidak beranak dan tidak diperanakkan serta tidak ada sesuatu pun yang serupa dengannya.

Kritikan Allah terhadap kaum Yahudi ialah mereka memilik bangsakan tuhan itu hanya hak mereka dan mengatakan bahawa merekaalah bangsa yang dipilih tuhan. Bagi Kristian, mereka menisbahkan tuhan (*relativise god*) dalam bentuk triniti atau konsep tiga dalam satu. Bagi golongan Aties pula, mereka tidak mendewakan tuhan, malah tidak percaya akan adanya tuhan. Ayat 64 Surah Ali Imran menyertu semua ahli kitab bersama-sama umat Islam menyembah Allah yang satu sebagai suatu pembebasan diri kepada kumpulan tertentu yang ingin memperhambakan golongan lain. Hal inilah yang ingin dicapai di Kota Madinah. Jangan kita memperseketukan Allah dengan apa jua sekalipun dan janganlah sebahagian dari kita mengambil sebahagian yang lain sebagai pujaan. Iaitu memuja manusia atau tunduk kepada kuasa-kuasa yang bertopengkan manusia. Pengajaran yang ingin ditunjukkan di Madinah Nabi ialah bagaimana cara untuk membebaskan kita dari perhambaan. Disebabkan itulah tauhid itu penting dalam memelihara hubungan manusia dengan Allah SWT dengan menyerah diri sepenuh hati kepada-Nya. Sekiranya mereka berpaling daripada kebenaran yang disebutkan, maka katakanlah kepada mereka saksikanlah bahawa kami adalah muslimun (menyerah diri kepada kehendak Allah).

2. Hidup demokrasi kerohanian kerana tidak ada paderi dan kepadrian dalam Islam. Kepatuhan kepada Allah SWT secara langsung dan bukan melalui kepada tokoh tertentu.

Tidak seperti kepercayaan lain; contohnya di Jepun, ada kefahaman bahawa maharaja menjadi perantara antara bumi dan langit.

3. Fungsi masjid sebagai lambang pemuliharaan agama. Oleh sebab itu antara perkara utama yang dilakukan oleh Nabi SAW ialah membina masjid. Masjid dijadikan sebagai tempat aktiviti utama secara berjamaah. Masjid seharusnya dijadikan sebagai suatu institusi yang integral, menjadi nukleus dan menjadi pusat penyebaran ilmu yang akhirnya boleh melahirkan bentuk pengurusan seperti sebuah universiti. Di masjid, sesiapa sahaja boleh menjadi imam untuk diikuti selagi dia betul. Imam yang salah diperbetulkan dan jika selalu berbuat salah, imam perlu diganti.

Maksud masjid diperluas dan seluruh bumi boleh

diangap sebagai masjid dan solat boleh dilakukan di mana sahaja seperti kawasan lapang dan di tepi sungai. Dengan itu juga persekitaran dan ekologi dapat dipelihara. Memusnahkan persekitaran adalah bertentangan dengan Islam. Alam perlu dijaga sebagaimana kita menjaga masjid.

4. Ketua negara sebagai pemelihara agama dan Nabi Muhammad SAW merupakan contoh terbaik untuk diikuti.

Konsep *tajdid* dan *islah* adalah milik Allah dan setiap nabi dan rasul membawa aqidah dan syariat yang berbeza mengikut situasi masyarakat dalam zaman yang berbeza. Ajaran Al Quran mengulang ajaran nabi terdahulu dan ada juga ajaran yang baru.

Diolah oleh: Abd Rahman Mohd Yasin



# Artificial Intelligence

## Steering MADANI Goals

by Norsheila Fisal

The government's vision, outlined in the **MADANI Economy Framework** and the recently tabled **13th Malaysia Plan (RMK13)**, focuses on raising the country's economic standing while ensuring the benefits are shared equitably among all citizens through ethical, virtuous governance and public trust. AI can significantly complement Malaysia's MADANI goals by providing the tools and frameworks to achieve its core tenets **SCRIPT; sustainability, prosperity, innovation, trust, respect and compassion**. AI's capabilities in providing data, data analysis, automation, and predictive modelling can help realize these goals more efficiently and equitably. By pairing AI's analytical prowess with connectivity and scalability of digital technology, Malaysia can accelerate each of these pillars in unprecedented ways:-

**Sustainability and Prosperity:-** AI can directly address the MADANI goals of sustainability and prosperity by optimizing resource management and fostering economic growth.

- **Optimized Resource Management:** AI can be used to manage resources more effectively, from agricultural production to energy consumption. For example, AI-powered systems can analyse weather patterns and soil data to help farmers optimize irrigation and fertilizer use, increasing crop yields and reducing waste. Predictive analytics can also forecast energy demands, helping to manage the national power grid more efficiently and promote sustainable energy sources.
- **Economic Restructuring:** The MADANI RMK13 aims to make Malaysia a leader in the ASEAN region and resilient competitor in the global economy. AI can support this by identifying key areas for economic growth and encouraging high-value industries. AI-driven platforms can analyse market trends to provide insights for strategic investments, particularly in high-tech sectors like semiconductor manufacturing and integrated circuit (IC) design. This helps transition the economy toward higher-value activities.

**Innovation and Trust:-** AI can be a powerful driver of innovation while also building public trust through enhanced transparency and efficiency.

- **Fostering Innovation:** The government's establishment of the National AI Office (NAIO) and the Malaysia-Artificial Intelligence Consortium (MAIC) demonstrates a commitment to AI-driven innovation. AI can accelerate research and development in various sectors, from healthcare to manufacturing. Initiatives like the development ILMU the home grown Large Language Model (LLM) show an effort to build sovereign AI capabilities tailored to Malaysia's local context and languages.
- **Building Public Trust:** AI can improve government services, which in turn builds public trust. For example, AI-powered chatbots can provide 24/7 public service support, and automated systems can streamline processes for things like permit applications and tax filings, reducing bureaucratic delays and human error. Additionally, AI can be used for fraud detection in public assistance programs, ensuring that aid reaches the intended recipients and promoting integrity in governance.

**Respect and Compassion:-** AI can be a force for promoting respect and compassion by ensuring equitable access to services and addressing social imbalances.

- **Reducing Disparities:** One of the key aims of MADANI is to bridge the gap between urban and rural areas and the rich and poor. AI can help by providing personalized educational resources, expanding access to healthcare services through remote diagnostics, and empowering small businesses in rural communities with data-driven insights.
- **Data-Driven Policy:** By analysing vast datasets, AI can help policymakers understand the needs of different communities and identify vulnerable groups. This allows for the creation of more targeted and compassionate policies, ensuring that social protection programs and other government initiatives are distributed fairly and effectively, leaving no one behind.

The MADANI government views AI as the key driver for a 'quantum leap' in the country's economic growth, competitiveness, and social wellbeing. The MADANI government goals will elevate Malaysia's economy and social landscape to a sustainable, long-term prosperity.

# Pengajian Madani

Wan Ibrahim Wan Ahmad



Makalah ini bertujuan untuk menghuraikan pengajian madani secara konseptual, menelusuri asas sejarahnya, rupa bentuk masyarakat madani yang ingin dibentuk, serta menonjolkan matlamat pelaksanaan dan cabarannya dalam konteks Malaysia. Untuk mendapat kefahaman mengenai pengajian madani, perkataan “madani” itu sendiri dirasakan perlu diberikan definisi. Perkataan madani asalnya merujuk kepada perkataan yang membawa maksud “bandar” atau tamadun tinggi.

Dalam bahasa Inggeris, konsep bandar asalnya juga merujuk kepada konsep tamadun, yang disebut “civilization”, iaitu perkataan yang diambil dari perkataan Latin “*civitas*” yang bererti “city” atau “bandar”. Perkataan tamadun lahir dari akar kata “*mudun*” dan “*madain*” yang akhirnya membawa kepada lahirnya perkataan madinah yang bererti bandar. Penulis tamadun Islam berpandangan lahirnya perkataan madinah dalam tamadun Islam adalah berkaitan dengan akar kata “*mudun*” atau “*madain*” itu.

Istilah “*mudun*”, “*madain*” atau “*madinah*” menjadi asas kepada konsep “Pengajian Madani” di *International Centre for Madani Studies* (ICMS). Di ICMS, pendidikan, pengajaran dan pembelajaran tidak hanya terhad kepada membawa para pelajar memahami nilai-nilai agama dan hukum-hakam, tetapi turut menghayati nilai sivik, pengurusan sosial, toleransi beragama, dan penghayatan terhadap nilai kemanusiaan sejagat sesuai dengan konsep madani itu sendiri yang merujuk kepada tamadun tinggi.

Oleh itu, pengajian madani bukanlah sekadar pembelajaran agama secara tradisional, tetapi merupakan satu bentuk pendidikan yang menggabungkan antara ilmu wahyu dan ilmu ‘*aqli*’, yang menjadikan pembangunan insan sebagai kerangka utama. Pengajian madani didefinisikan sebagai satu bidang pengajian pembangunan yang bersifat antara disiplin yang memberikan tumpuan kepada pembangunan insan dalam konteks pembangunan rohani, akhlak, moral, sahsiah dan

minda, serta pembangunan sosioekonomi, politik dan tadbir urus secara holistik mengikut acuan nilai dan aturan keagamaan yang universal. Dari definisi di atas, pengajian madani ialah pengajian pembangunan insan dan pembangunan sosioekonomi, politik dan tadbir urus secara holistik yang bermatlamat melahirkan masyarakat yang menjunjung prinsip-prinsip moral, menghargai nilai ihsan, persaudaraan dan saling menghormati dalam konteks *karamatul insan*. Pengajian madani ini, antara lainnya, bertujuan untuk membina dan mengembangkan korpus ilmu sebagai asas untuk membangunkan masyarakat madani yang menjunjung tinggi akhlak, menggalakkan kepimpinan beretika, membolehkan negara menangani cabaran moden dan memupuk serta memperkuuhkan keharmonian antara agama dan budaya.

Pengajian madani yang ingin dikembangkan di Malaysia memberikan penekanan kepada integrasi di antara ilmu agama (*ilmu naqli*) dengan ilmu kontemporari (*ilmu aqli*) seperti sejarah dan peradaban, sosiologi, pengajian pembangunan, ekonomi, sains, teknologi, alam sekitar, termasuk kecerdasan buatan, selari dengan disiplin pengajian madani itu sendiri yang bersifat antara disiplin. Matlamat akhir kepada pengajian madani ialah menghapuskan dualisme dalam pendidikan yang memisahkan ilmu agama (*ilmu naqli*) dan ilmu duniaawi (*ilmu aqli*).

Dalam konteks Malaysia, istilah “madani” diperbaharui melalui gagasan Malaysia Madani yang menekankan prinsip keadilan, kemampunan, daya cipta, ihsan dan hormat. Pengajian ini juga menanam nilai *rahmatan lil ‘alamin* yang menonjolkan Islam adalah agama yang membawa rahmat secara global untuk seluruh alam, serta menjadikan akhlak mulia dan keadilan sosial sebagai tunggak utama kurikulumnya. Malah, ICMS itu sendiri bukan sahaja berfungsi sebagai badan akademik, tetapi berfungsi juga sebagai badan pemikir untuk membantu kerajaan madani melahirkan idea-idea dan kertas polisi untuk pembangunan.

Berkait rapat dengan konsep mudun, madain dan madinah ini, Ibn Khaldun memperkenalkan konsep masyarakat madani kepada dunia Islam. Konsep ini berasal daripada perkataan *al-madaniyah* yang bererti peradaban dan kemakmuran hidup. Lebih jauh, masyarakat madani ini berakar daripada pengalaman Nabi Muhammad SAW dalam membina masyarakat Madinah selepas hijrah yang merujuk kepada bandar, pusat tamadun manusia, masyarakat maju, masyarakat yang seimbang antara spiritual dan material yang menggantikan nama Yathrib seperti yang dikatakan oleh Mahayudin Haji Yahya pada 1985.

Di Madinah itu, Baginda Rasul SAW telah mendirikan sebuah negara inklusif, memelihara hak semua lapisan masyarakat, dan membina struktur sosial yang berteraskan keadilan, ilmu dan akhlak. Penulis-penulis tamadun berpandangan konsep Madinah itu sendiri tidak boleh dirujuk hanya sebagai konsep bandar atau kota secara literal; sebaliknya ia perlu dirujuk sebagai sistem sosial dan kehidupan yang menjunjung tinggi nilai-nilai Islam dengan ekonomi yang makmur berasaskan perdagangan dan berada di bawah pemerintahan mementingkan keadilan untuk semua.

Bagaimakah rupa masyarakat madani yang ingin dibentuk itu? YAB Perdana Menteri pernah mentakrifkan pada 1995 bahawa masyarakat madani sebagai satu masyarakat di mana sistem sosialnya yang subur, diasaskan di atas prinsip moral yang menjamin keseimbangan antara kebebasan individu dengan kestabilan masyarakat; masyarakat yang mendorong daya cipta serta inisiatif individu baik dari segi pemikiran, seni, ekonomi dan teknologi. Pada 2022, Allahyarham Siddiq Fadzil menyatakan bahawa masyarakat madani ialah masyarakat yang berusaha mengangkat martabat insan dalam pembangunan sosio-ekonomi-politik berasaskan prinsip moral, kedaulatan undang-undang dan keadilan sosial. Wan Hashim Wan Teh pada 1997 menyatakan model unggul masyarakat madani yang perlu dibentuk adalah masyarakat bertamadun tinggi bercirikan pemerintahan yang demokratik, adanya kemakmuran ekonomi dan agihankekayaan negara secara adil, menjunjung tinggi nilai-nilai etika dan moral yang berpaksikan agama, keseimbangan antara kemajuan material dan non-material berlandaskan kecintaan ilmu dan pembinaan budaya untuk pengukuhan jiwa dan jati diri serta pengukuhan ikatan kekeluargaan berasaskan konsep masyarakat penyayang. Turut terangkum dalam masyarakat madani juga, selari dengan konsep masyarakat civil, ialah kesedaran

terhadap mutu kebersihan, kepatuhan kepada peraturan hidup, kepatuhan kepada masa, dan keprihatinan terhadap alam sekitar. Jadi, matlamat utama pengajian madani ialah membantu kerajaan Madani mengerakkan gagasan yang dipopularkan oleh YAB Dato' Sri Anwar Ibrahim untuk melahirkan masyarakat madani dengan rakyat yang seimbang perkembangan rohani, intelektual, dan sosialnya yang bukan sahaja patuh kepada ajaran agama, tetapi juga memiliki kesedaran sivik, empati terhadap masalah masyarakat, berfikir kritis, dan menyumbang kepada pembangunan negara dan ummah selari dengan gagasan insan kamil yang menjadi idealisma dalam pemikiran Islam.

Seterusnya, Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim memperkenalkan satu kerangka besar Madani, untuk memandu pembangunan Malaysia melalui enam nilai teras: **Kelestarian, Prihatin & Ihsan, Hormat, Inovasi, Kemakmuran, dan Kepercayaan**. Pertama kali dihuraikan dalam bukunya *SCRIPT for a Better Malaysia (2022)* dan kemudiannya diterima sebagai asas kepada Malaysia MADANI, ia berfungsi sebagai kompas moral dan pelan dasar bagi membina masyarakat yang adil, inklusif dan berpandangan jauh.

*SCRIPT* menyeru kepada pendekatan tamadun dalam tadbir urus, menggabungkan nilai kemanusiaan sejagat dengan warisan tamadun Islam, serta menggalakkan dialog terbuka dan pelbagai hala mengenai cabaran semasa seperti perubahan iklim, pembaharuan ekonomi, dan keharmonian sosial. Dengan meletakkan kemajuan berasaskan nilai bersama, bukannya naratif yang memecahbelahkan, *SCRIPT* berhasrat menyatukan rakyat Malaysia dalam perjalanan bersama menuju negara yang beretika, lestari dan makmur.

Pengajian Madani diharapkan menjadi medium pendidikan yang menyokong usaha kerajaan membentuk rakyat yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berakhlik dan berintegriti yang mampu hidup dalam masyarakat pelbagai kaum dan agama secara harmoni yang merangkumi penerapan nilai-nilai etika dalam tadbir urus, perniagaan dan pembangunan.

Pengajian Madani ini, dalam perlaksanaannya tentu berhadapan dengan banyak cabaran, yang antaranya ialah sikap masyarakat yang masih memisahkan ilmu agama dan ilmu dunia serta kepimpinan negara yang ingin mengekalkan status quo yang kurang sesuaian dengan nilai-nilai madani.



# Hilangnya Permata yang Bersinar

Berpulangnya ke rahmatullah Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu, Presiden Kolej Dar al-Hikmah (KDH) merangkap Pengurus Lembaga Pengarah Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM) dan Pengurus Majlis Istisyari, WADAH pada pagi Khamis, 26 Jun 2025 di Wad Kardiologi, Hospital Serdang merupakan satu kehilangan besar kepimpinan Jamaah dan tokoh dakwah negara dan dunia. Pemergiannya mengejutkan banyak pihak dan ucapan takziah diterima dari seluruh negara dan dunia Islam. Amat terguris ialah seluru ahli Jamaah WADAH-ABIM-PKPI, staf KDH dan warga IKIM.

Antara ucapan takziah yang diterima dari luar negara termasuklah Lembaga Pengelola *International Institute of Islamic Thought* (IIIT) dari Amerika Syarikat, Dai' ulung dunia Dr. Jasir Auda dan Lembaga Pengurus Dewan Dakwah Indonesia (DDI). Dalam Majlis Bacaan Surah Yasin secara online pada 29 Jun 2025 anjuran KDH, turut dijalankan ucapan pengisahan dan kenangan bersama Allahyarham Dr. Muhammad Manutu. Mereka yang berucap ialah Bapak Dr. Habib Chirzin dari DDI, Jakarta, Prof. Dr. Anis Malik Thoha dari Universiti Brunei, Ustaz Imron dari Sekolah Anubar Wangthong, Krabi, Thailand dan Ustaz Mohd. Nasir Mohd. Tap, pensyarah Kanan KDH. Kesemua mereka menyatakan jasa dan kebaikan serta pengalaman manis bersama Allahyarham Dr. Muhammad Nur Manutu. Ucapan takziah turut disampaikan kepada keluarga yang datang menziarahi keluarga Allahyarham. Antaranya ialah duta dari Yemen, Sudan dan Afghanistan ke Malaysia.

Dr. Muhammad Nur Manutu telah menghasilkan beberapa buah buku dan banyak artikel berkualiti. Antaranya ialah Anugerah Islam Kepada Tamadun (terjemahan kitab '*Ataul Islam lil Hadarah*, karya Muhammad 'Amarah); *Presenting God to Modern Man* dalam *Proceeding Cross Cultural Da'wah*; Islam dan Demokrasi; Polemik Kalimah Allah – Antara Targhib Dan Tarhib; Islam, Politik Dan Kesederhanaan dan buku terakhirnya Jejak-Jejak Pencerahan Umat yang diterbitkan pada 2021.

Semoga rohnya ditempatkan ke dalam golongan yang diredhai Allah dan akan beroleh syurga di akhirat kelak. Aamiin ya Rabbal 'alamiin.

# POSTGRADUATE PROGRAMMES AT INTERNATIONAL CENTRE FOR MADANI STUDIES (ICMS)

## Call for Applications: Master's and PhD Research

### What is Madani Studies?

Madani Studies is an interdisciplinary field that blends classical scholarship with modern knowledge to cultivate a virtuous and prosperous society grounded in human dignity, justice, stewardship and public welfare. It spans spirituality and ethics to governance, technology, sustainability, education, socio-economics and futures thinking.

### Programmes Highlights

Explore the multidimensional aspects of human progress, including spirituality, ethics, governance, technology, sustainability, education, socio-economic opportunity and increasingly important area :- the future studies.

**Islamic Governance and Ethics:** *Syura* (consultation), *maqasid al-shariah* (objectives of Islamic law), and social justice.

#### Futures Studies & Strategic Foresight:

Horizon scanning, trend analysis, Delphi, scenario planning, backcasting, and road-mapping applied to AI governance, urban wellness/ageing, and digital civilisation.

**Comparative Civilizational Studies:** Insights from Islamic, Southeast Asian and global civilisations for societal development

### Career Pathways & Practical Impact

**Government & Policy Making:** Design strategies for global and national challenges using ethically grounded insights.

**Technology, Health & Wellness:** AI-enabled solutions and preventive health strategies.

**Education & Lifelong Learning:** Inclusive education systems, digital learning platforms and capacity building.

**Civil Society & Community Development:** Empowerment, social justice, outreach to reverts and underserved groups.

**Diplomacy & International Relations:** Civilisational dialogue and peacebuilding (e.g., OIC, ASEAN, UN).

### Admission Requirements

**Master's Programme:** A Bachelor's degree in a related field with a CGPA of 3.00 or higher. **PhD Programme:** A Master's degree in a related field or relevant professional experience.

**Language Requirements (for International Applicants):** TOEFL IBT (42-45), IELTS (5.0), or equivalent.

Submit your application and supporting documents, to the ICMS Academic Committee.

<https://www.icmsmadani.com>

Email: icmsmadani@gmail.com